

# Utusan Sarawak

TARIKH	29 / 9 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	6	RUANGAN	Tempatan

## Bakal jemaah haji ceria tunaikan rukun Islam kelima



**MOHD SHAFIK AHMAD**  
KUCHING, Jumaat — Di sebalik bulan Zulhijjah yang terkenal dengan bulan haji, ia juga mencatatkan beberapa peristiwa di dalam diari sejarah pembinaan dan perjuangan umat Islam.

Menunaikan haji adalah rukun Islam yang kelima dan mereka yang pergi ke sana bermaksud menyahut panggilan Allah SWT seperti yang telah dilancarkan oleh nabi-nabi terdahulu.

Tanggal 27 September 2012, hari yang penuh bermakna buat bakal jemaah haji yang terpilih untuk pergi ke Tanah Suci menunaikan rukun Islam yang kelima tersebut.

Hasil tinjauan Utusan Sarawak terhadap beberapa bakal jemaah haji yang akan bertolak ke Madinah di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (LTAK) pada hari ini, mendapati keceriaan dan kesyukuran terpancar di wajah mereka kerana dapat mengerjakan ibadah haji pada tahun ini.

Abdullah Bus @ Busman, 64, berkata, dia bersyukur kerana akhirnya mendapat peluang untuk menunaikan ibadah haji seperti yang dituntut di dalam rukun Islam yang kelima.

"Saya sangat bersyukur kepada Allah SWT dan gembira kerana dapat pergi mengerjakan ibadah haji pada tahun ini setelah menunggu selama lima tahun," katanya.

Menurutnya, bukan mudah untuk pergi menunaikan haji tetapi dia gembira kerana dengan berkat kesabaran menanti giliran, akhirnya berpeluang untuk pergi ke Tanah Suci pada tahun ini.

Manakala seorang bakal jemaah haji yang berasal daripada Sibu, Rohani Seruji, 57, menyatakan rasa syukurnya ke hadirat Allah SWT kerana diberikan peluang untuk menunaikan ibadah haji pada waktu ini.

"Sudah lama saya menunggu masa yang sememangnya dinanti-nantikan oleh setiap orang Islam untuk menunaikan rukun Islam kelima ini.

"Pada hari ini, saya rasa bersyukur dan berterima kasih kerana berpeluang pergi ke Tanah Suci dengan rombongan pertama bersama bakal jemaah yang lain," katanya ketika ditemui pemberita di LTAK.

Menurut Rohani, sebelum berangkat ke Tanah Suci, mereka berpeluang mengikuti kursus yang dianjurkan oleh pihak Tabung Haji seba-

gai persiapan sebelum pergi ke Mekah dan Madinah untuk menunaikan rukun wajib tersebut.

Borhan Haji Brahim, 60, dari Sardon Jaya berkata, setelah menunggu daripada tahun 2006, baru sekarang dia berpeluang untuk menunaikan ibadah haji.

"Pertama sekali, saya bersyukur dan gembira kerana dapat dipilih untuk pergi ke Tanah Suci setelah menanti sekian lama," kata bekas anggota polis ini.

Tambah Borhan, ini merupakan kali pertama dia menunaikan ibadah haji bersama isterinya dan pelbagai kursus yang dianjurkan oleh pihak Tabung Haji telah disertai dalam masa seminggu sebagai persiapan sebelum bertolak mengerjakan ibadah tersebut.

Seramai 447 bakal haji daripada kumpulan pertama yang berlepas ke Madinah dengan menaiki penerbangan KT40 semalam dan dijangka sampai di Madinah pada jam 5.20 petang waktu Arab Saudi.

Keberangkatan bakal haji turut dirai oleh Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Datuk Patinggi Abang Haji Muhammad Salahuddin serta isteri, Toh Puan Hajah Norkiah.



ABDULLAH BUS @ BUSMAN



ROHANI SERUJI



BORHAN HAJI BRAHIM